



# **BANK SOALAN**

## ***Sejarah***

**SPM**

Tingkatan  
KSSM



**KERTAS 1**

[40 markah]

1 jam

*Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan. Jawab semua soalan.*

1. Apakah perubahan yang berlaku terhadap sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka selepas kedatangan Islam?
- A Penggunaan gelaran sultan
  - B Penghapusan golongan hamba
  - C Perluasan hubungan diplomatik
  - D Pemansuhan undang-undang adat

2. Bagaimanakah wilayah pengaruh Kesultanan Melayu Melaka terbentuk?
- I Peperangan
  - II Penaklukan
  - III Perkahwinan
  - IV Penyebaran agama
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

3. Maklumat berikut berkaitan undang-undang zaman Kesultanan Melayu Melaka.

- Hukum Kanun Melaka
- Undang-undang Laut Melaka

Mengapakah undang-undang tersebut digubal?

- A Melindungi rakyat
  - B Mengawal kuasa pembesar
  - C Mengukuhkan kerabat diraja
  - D Menghapuskan peraturan adat
4. Apakah hukuman yang dikenakan jika nakhoda lalai sehingga menyebabkan berlaku pelanggaran dan kerosakan kapal?
- A Dipenjarakan
  - B Bayar ganti rugi
  - C Hukuman bunuh
  - D Pelucutan jawatan

5. Senarai berikut merujuk kepada revolusi yang tercetus di Barat.

- Revolusi Perancis
- Revolusi Keagungan England

Apakah isu yang diperjuangkan dalam revolusi tersebut?

- A Penentangan antiraja
- B Perjuangan kemerdekaan
- C Pembentukan kerajaan demokrasi
- D Pengekalan sistem pemerintahan beraja

6. Apakah punca Dahagi India yang berlaku pada tahun 1857?

- A Menentang kuasa British
- B Menamatkan sistem beraja
- C Mengehadkan pelaburan asing
- D Memperjuangkan hak asasi manusia

7. Apakah sumbangan institusi pendidikan berikut?

- Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC)
- Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK)

- A Melindungi hak bumiputera
- B Mempertahankan institusi beraja
- C Menyemarakkan kesedaran nasionalisme
- D Memperkukuh kuasa pembesar tempatan

8. Jadual berkaitan pertubuhan masyarakat India di Tanah Melayu.

Pertubuhan	Pemimpin
Central Indian Association (CIAM)	Dr. A.M. Soosay

Apakah yang diperjuangkan oleh pertubuhan tersebut?

- A Kemerdekaan negara
- B Kebajikan masyarakat India
- C Peluang pekerjaan dalam kerajaan
- D Pembelaan terhadap golongan buruh

9. Senarai berikut menunjukkan pakatan ketenteraan di Eropah pada awal abad ke-20.

Pakatan Bertiga
<ul style="list-style-type: none"><li>• X</li><li>• Britain</li><li>• Perancis</li></ul>

Apakah kuasa X?

- A Rusia
- B Jepun
- C Jerman
- D Bulgaria

10. Mengapakah Jerman tidak berpuas hati terhadap Perjanjian Versailles?

- I Pakatan Bertiga dibubarkan
  - II Digubal oleh Amerika Syarikat
  - III Jerman kehilangan tanah jajahan
  - IV Mengalami kemelesetan ekonomi
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

11. Gambar menunjukkan mata wang Jepun yang dikenali sebagai wang pokok pisang.



Apakah kesan penggunaan mata wang tersebut?

- A Kadar inflasi melambung  
 B Nilai mata wang meningkat  
 C Ekonomi negara semakin kukuh  
 D Industri tempatan berkembang maju
12. Apakah faktor yang menyebabkan kekalahan tentera Jepun dalam Perang Dunia Kedua?  
 A Pengeboman Hiroshima dan Nagasaki  
 B Kehabisan minyak, peluru dan makanan  
 C Keberkesanan strategi Tentera Bersekutu  
 D Kehilangan sokongan penduduk tempatan
13. Mengapakah British memperkenalkan pentadbiran berikut?

Tarikh	Peristiwa
12 September 1945	British Military Administration (BMA)

- A Mengembalikan keamanan  
 B Memajukan ekonomi negara  
 C Memberikan latihan kepimpinan  
 D Memenuhi desakan orang Melayu
14. Apakah peranan akhbar tersebut dalam penentangan Malayan Union?

- *Majlis*
- *Warta Negara*

- I Melaporkan perkembangan gerakan penentangan  
 II Mengutip derma untuk mengadakan demonstrasi  
 III Membuat bantahan di Mahkamah Tinggi England  
 IV Menyeru orang Melayu mengadakan perhimpunan
- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV

15. Apakah sumbangan Cikgu Lily Eberwein dalam gerakan antipenyERAHAN Sarawak?  
 A Mengetuai demonstrasi  
 B Menulis surat bantahan  
 C Mengadakan kempen kesedaran  
 D Mencadangkan perlembagaan baharu

16. Mengapakah penyerahan Sabah kepada British tidak mendapat bantahan penduduk tempatan?  
 A Kekurangan kesedaran politik  
 B Kelemahan sistem perhubungan  
 C Ketiadaan pemimpin berwibawa  
 D Kerjasama British dengan pembesar
17. Gambar berikut menunjukkan Jawatankuasa Kerja yang ditubuhkan pada 25 Julai 1946.



Apakah tujuan penubuhan jawatankuasa tersebut?

- A Menentang Malayan Union  
 B Mengadakan pilihan raya umum  
 C Merundingkan kemerdekaan Tanah Melayu  
 D Merangka Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu
18. Apakah isu yang diperjuangkan oleh golongan nasionalis Melayu radikal?  
 I Bersuara  
 II Menerbitkan akhbar  
 III Mengumpul kekayaan  
 IV Peningkatan taraf hidup
- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV
19. Maklumat berikut berkaitan dengan kerjasama PUTERA-AMCJA.

Pada akhir bulan Mac 1947, PUTERA-AMCJA bekerjasama membantah Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Apakah hasil kerjasama PUTERA-AMCJA?


- A Pengenal Perlembagaan Rakyat  
 B Pengembalian kuasa Raja-raja Melayu  
 C Pemeliharaan hak keistimewaan orang Melayu  
 D Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948
20. Bagaimanakah Persekutuan Tanah Melayu 1948 membuka jalan ke arah kerjasama kaum?  
 A Menolak prinsip *jus soli*  
 B Melalui penubuhan CLC  
 C Membentuk Majlis Raja-raja  
 D Menubuhkan parti berbilang kaum

21. Mengapakah komunis mencetuskan huru-hara di Tanah Melayu?
- A Menimbulkan kesusahan
  - B Menguasai kemudahah asas
  - C Membalas dendam terhadap rakyat tempatan
  - D Menghilangkan keyakinan penduduk terhadap British

22. Apakah yang boleh dikaitkan dengan senarai berikut?

- Mengawal ladang dan lombong
- Ditubuhkan semasa Rancangan Briggs

- A Senoi Praaq
  - B Home Guard
  - C Auxillary Police
  - D Special Constables
23. Rajah berikut menunjukkan usaha British untuk menghapuskan ancaman komunis di Tanah Melayu.



Apakah X?

- A Menawarkan hadiah
  - B Menubuhkan pasukan polis
  - C Mewujudkan Kampung Baru
  - D Memperkenalkan kad pengenalan
24. Apakah syarat yang dikemukakan oleh pihak kerajaan kepada Parti Komunis Malaya (PKM) dalam rundingan tersebut?
- A Hasil rampasan dikembalikan
  - B Gencatan senjata diisytiharkan
  - C Kubu pertahanan dimusnahkan
  - D Kewarganegaraan ahli dilucutkan
25. Apakah pertubuhan yang dipimpin oleh Ibrahim Haji Yaakob?
- A Hizbul Muslimin
  - B Angkatan Pemuda Insaf
  - C Kesatuan Melayu Muda
  - D Pergerakan Pemuda Melayu
26. Apakah persamaan dalam perjuangan pertubuhan berikut?

- Kesatuan Melayu Muda (KMM)
- Parti Kebangsaan Melayu Malaya

- A Kemerdekaan mutlak
- B Konsep Melayu Raya
- C Demokrasi Berparlimen
- D Raja Berperlembagaan

27. Apakah kepentingan pembentukan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC)?
- A Mengadakan pilihan raya umum
  - B Merundingkan kemerdekaan negara
  - C Menyelesaikan pertikaian isu antara kaum
  - D Menggalakkan parti politik berbilang kaum

28. Mengapakah Parti Perikatan memilih kapal layar sebagai logo parti?
- A Mewakili golongan bawahan
  - B Kesediaan menempuh cabaran
  - C Kemajuan perdagangan antarabangsa
  - D Melambangkan kerjasama pelbagai kaum

29. Apakah tujuan Pilihan Raya Umum Pertama (1955) diadakan?
- A Memilih Ketua Menteri
  - B Mencapai kemerdekaan
  - C Mengusir penjajah British
  - D Membentuk kerajaan sendiri

30. Apakah syarat menjadi seorang pengundi?
- I Berumur 18 tahun ke atas
  - II Berumur 21 tahun ke atas
  - III Warganegara Persekutuan Tanah Melayu
  - IV Fasih berbahasa Melayu dan bahasa Inggeris
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

31. Mengapakah pilihan raya KMC dan SUDC di Sarawak mendapat sambutan baik daripada rakyat pelbagai kaum?
- A Mencapai kemerdekaan
  - B Memajukan sektor ekonomi
  - C Memilih wakil dalam kerajaan
  - D Mengeratkan perpaduan kaum

32. Apakah peranan Kabinet Pertama Persekutuan Tanah Melayu?



- I Menuntut kemerdekaan
  - II Mengukuhkan kerjasama kaum
  - III Membincangkan isu keselamatan
  - IV Mengurangkan kuasa pentadbiran British
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

33. Apakah isu yang dibincangkan dalam rundingan di London pada tahun 1956?
- A Kerjasama antara kaum
  - B Kedudukan Raja-raja Melayu
  - C Keselamatan dan perlembagaan
  - D Kemajuan bandar dan luar bandar
34. Apakah tugas Suruhanjaya Reid?
- A Membentuk Kabinet
  - B Merangka perlembagaan
  - C Merundingkan kemerdekaan
  - D Menetapkan tarikh kemerdekaan
35. Apakah perkara yang dicadangkan dalam memorandum Raja-raja Melayu untuk Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka?
- A Soal kewarganegaraan
  - B Kedudukan agama Islam
  - C Sistem Raja Berperlembagaan
  - D Jawatan Yang di-Pertuan Agong
36. Bagaimanakah cara seseorang dapat menjadi warganegara Persekutuan Tanah Melayu 1957?
- I Pilihan
  - II Tuntutan
  - III Naturalisasi
  - IV Kuat kuasa undang-undang
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
37. Antara berikut, tokoh manakah memberikan pengertian berikut?

Kebebasan bukan hanya satu pertempuran untuk melawan satu kumpulan atau warna kulit, tetapi satu pertempuran terhadap sebuah sistem yang menindas.

- A Soekarno
- B Nelson Mandela
- C Mahatma Gandhi
- D Tunku Abdul Rahman

38. Apakah peranan Jawatankuasa Sambutan?
- A Menonjolkan identiti
  - B Mencadangkan lagu rasmi
  - C Menghias ibu kota dan negeri
  - D Mencipta bendera kebangsaan
39. Gambar berikut menunjukkan peristiwa bersejarah di Stadium Merdeka.



Apakah kepentingan peristiwa tersebut kepada negara?

- A Memutuskan hubungan dengan British
  - B Menjadi negara merdeka dan berdaulat
  - C Menjamin kemakmuran ekonomi negara
  - D Mengukuhkan sistem demokrasi berparlimen
40. Apakah tujuan pelancaran Rancangan Buku Merah pada 25 Januari 1961?
- A Memajukan penduduk bandar
  - B Membangunkan sektor pertanian
  - C Mengukuhkan institusi kewangan
  - D Menyelia projek kemudahan asas

**KERTAS 2**

**Bahagian A**

[40 markah]

2 jam 30 minit

Jawab **semua** soalan.

1. Rajah berikut menunjukkan sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka.



(a) Sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka dikenali sebagai Pembesar Empat Lipatan. Jelaskan maksud sistem tersebut.

---

---

[2 markah]

(b) Sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka terbahagi kepada pentadbiran pusat dan peringkat jajahan. Huraikan pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka pada peringkat jajahan.

---

---

---

---

[4 markah]

(c) Berikut menunjukkan pembesar penting dalam Kesultanan Melayu Melaka.

Bendahara merupakan pembesar yang mempunyai tugas dan peranan yang penting dalam Kesultanan Melayu Melaka.

Jelaskan tugas Bendahara.

---

---

[2 markah]

(d) Pentadbiran yang tersusun menjamin perjalanan pemerintahan berjalan lancar dan cekap. Pada pendapat anda, apakah kesan jika pentadbiran negara kucar-kacir?

---

---

---

[2 markah]

2. Nasionalisme di Thailand berbeza daripada gerakan nasionalisme di negara lain di Asia Tenggara.

(a) Jelaskan tujuan gerakan nasionalisme di Thailand.

---



---

[2 markah]

(b) Namakan Raja Thailand yang mempelopori nasionalisme melalui usaha diplomasi dan pemodenan

(i) \_\_\_\_\_

(ii) \_\_\_\_\_

[2 markah]

(c) Senaraikan birokrasi Barat yang diperkenalkan oleh pemerintah Thailand.

(i) \_\_\_\_\_

(ii) \_\_\_\_\_

(iii) \_\_\_\_\_

(iv) \_\_\_\_\_

[4 markah]

(d) Cadangkan cara untuk memupuk semangat nasionalisme dalam kalangan generasi muda hari ini.

---



---

[2 markah]

3. Gambar berikut menunjukkan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu.



(a) Mengapakah British memperkenalkan Persekutuan Tanah Melayu 1948?

---



---

[2 markah]

(b) Jelaskan ciri-ciri Persekutuan Tanah Melayu dari aspek berikut:

(i) Perundangan

---



---

[2 markah]

(ii) Kuasa Raja-raja Melayu

---

---

[2 markah]

(c) Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu memberi kesan kepada negara kita. Beri ulasan anda.

---

---

---

---

[4 markah]

4. Gambar berikut menunjukkan Rombongan Merdeka ke London.



(a) Nyatakan **dua** pihak yang terlibat dalam usaha rundingan kemerdekaan ke London.

(i) \_\_\_\_\_

(ii) \_\_\_\_\_

[2 markah]

(b) Apakah kepentingan rundingan kemerdekaan tersebut diadakan?

---

---

[2 markah]

(c) Jelaskan hasil rundingan tersebut.

---

---

---

---

[4 markah]

(d) Kemerdekaan negara kita hasil kebijaksanaan pemimpin berunding dengan British. Pada pendapat anda, mengapakah pendekatan berunding lebih baik daripada berperang dalam usaha menuntut kemerdekaan?

---

---

---

[2 markah]

**Bahagian B**

[60 markah]

Jawab **tiga** soalan.

5. Petikan berikut tentang pendudukan Jepun di negara kita.


Pendudukan Jepun yang singkat telah mengubah keadaan sosial, politik dan ekonomi Tanah Melayu. Pengalaman hidup di bawah pemerintahan tentera Jepun menyumbang kepada semaraknya semangat nasionalisme Melayu sehingga membawa kepada kesedaran untuk menuntut kemerdekaan.

Sumber: <http://penjajahanjepun97.blogspot.com/2015/09/>

- (a) Jelaskan faktor kedatangan Jepun ke negara kita. [4 markah]
- (b) Tentera Jepun memperkenalkan Pemerintahan Tentera di Tanah Melayu. Jelaskan pernyataan tersebut. [8 markah]
- (c) Kesengsaraan hidup semasa pendudukan Jepun memberi iktibar supaya mempertahankan kedaulatan dan keamanan masa kini demi kehidupan sejahtera pada masa akan datang. Cadangkan cara untuk mempertahankan kedaulatan negara agar terus berkekalan. [8 markah]

6. Selepas Perang Dunia Kedua, Vyner Brooke telah menyerahkan Sarawak kepada British.

- (a) Jelaskan faktor penyerahan Sarawak kepada British. [6 markah]
- (b) Gambar berikut menunjukkan reaksi penduduk tempatan terhadap penyerahan Sarawak.



Berdasarkan gambar, jelaskan faktor penentangan penyerahan Sarawak. [6 markah]

- (d) Tindakan kekerasan tidak wajar digunakan untuk mencapai sesuatu matlamat. Berikan pendapat anda. [6 markah]

7. Walaupun Undang-undang Darurat dikuatkuasakan di seluruh Tanah Melayu, namun komunis tetap meneruskan agenda menggugat kestabilan ekonomi dan politik negara.

- (a) Apakah tindakan komunis dalam usaha melumpuhkan ekonomi Tanah Melayu? [6 markah]
- (b) Terangkan rancangan yang dilaksanakan dalam Perang Saraf. [8 markah]
- (c) Kerjasama antara kerajaan dengan rakyat menentang komunis boleh diumpamakan seperti peribahasa berikut:

“Bulat Air kerana Pembetung, Bulat Manusia kerana Muafakat”.

Jelaskan pernyataan tersebut. [6 markah]

8. Maklumat berikut merujuk kepada pengertian pilihan raya.

Pilihan raya adalah satu proses demokrasi di mana undian digunakan untuk memilih calon yang sesuai bagi mewakili rakyat di parlimen. Ia merupakan suatu mekanisme demokrasi untuk memilih calon yang sesuai untuk memenuhi jawatan penggubal undang-undang, eksekutif, perundangan dan kerajaan tempatan.

Sumber: [https://ms.wikipedia.org/wiki/Pilihan\\_raya](https://ms.wikipedia.org/wiki/Pilihan_raya)

- (a) Terangkan pilihan raya awal di negeri berikut:
- (i) Sarawak [4 markah]
  - (ii) Sabah [4 markah]
- (b) Kabinet Pertama Persekutuan Tanah Melayu telah dibentuk selepas Pilihan Raya Umum 1955. Jelaskan peranan kabinet pertama tersebut. [6 markah]
- (c) Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) berperanan memastikan proses pilihan raya bebas dan telus. Beri penjelasan anda. [6 markah]

9. Maklumat berikut tentang persediaan menyambut pemasyhuran kemerdekaan negara.

Bagi memastikan detik kemerdekaan memberi makna kepada negara dan rakyat, beberapa persediaan diatur pada peringkat Persekutuan dan negeri. Persediaan dibuat melalui penubuhan Jawatankuasa Persediaan Fizikal dan Jawatankuasa Sambutan.

- (a) Huraikan tugas jawatankuasa berikut:
- (i) Jawatankuasa Sambutan [4 markah]
  - (ii) Jawatankuasa Persediaan Fizikal [4 markah]
- (b) Selepas mencapai kemerdekaan, kerajaan melakukan pelbagai usaha untuk membangunkan ekonomi negara. Berikan ulasan anda. [8 markah]
- (c) Gambar berikut menunjukkan logo hari kebangsaan ke-50 pada tahun 2007.



Sebagai warganegara yang cinta akan tanah air, cadangkan langkah untuk menjamin kegemilangan dan kemakmuran negara. [8 markah]